

11 AUG 2003

Najib-Kerjasama

NEW ZEALAND BERMINAT TERUSKAN KERJASAMA DALAM SEKTOR PERTAHANAN

KUALA LUMPUR, 11 Ogos (Bernama) -- New Zealand berminat untuk meneruskan kerjasama dengan Malaysia demi kepentingan bersama dalam sektor pertahanan, kata Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata Tentera Udara Diraja New Zealand melahirkan rasa puashati dalam kerjasama sedia ada dengan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan berhasrat untuk meneruskannya.

Najib berkata hasrat itu diluahkan oleh Panglima Tentera Udara Diraja New Zealand, Naib Marsyal Udara J.H.S Hamilton dalam rangka lawatan ke negara ini selama empat hari.

"Beliau bukan sahaja berpuashati dengan kerjasama yang wujud selama ini malah beliau melahirkan hasrat untuk bekerjasama erat demi kepentingan kedua-dua negara," katanya kepada pemberita di Wisma Pertahanan di sini, hari ini.

Hamilton sebelum itu menerima perbarisan kehormat sebelum mengadakan pertemuan dengan Najib. Hamilton juga diberikan taklimat mengenai visi dan sejarah TUDM.

Dalam rangka lawatan empat hari itu, Hamilton juga akan melawat Pangkalan Tentera Udara TUDM di Butterworth dan Kuantan.

Najib juga berkata kerajaan masih menimbang untuk menyewa 16 pesawat jenis NB-339 Aermachi, iaitu pesawat pejuang latihan perang dari New Zealand untuk melatih juruterbang.

"Cadangan itu dalam pertimbangan kerajaan dan keputusannya akan diketahui dalam jangka masa terdekat," katanya.

Pesawat itu digunakan untuk melatih juruterbang sebelum mereka menggunakan pesawat yang lebih canggih seperti MiG buatan Rusia, Hornet (Amerika Syarikat) dan Hawk (Britain) serta memahirkan mereka dengan penggunaan teknologi terkini dalam tentera udara.

Pada Mei lepas, New Zealand menawarkan pesawat berkenaan kepada Malaysia selepas Parlimen negara itu mengambil keputusan untuk mengecilkan keupayaan tenteranya.

Dalam perkembangan lain, Najib berkata kerajaan akan terus mengambil langkah konservatif dalam pertahanan negara, iaitu peruntukan pertahanan tidak akan menjejaskan pembangunan sosio-ekonomi negara.

Beliau berkata kerajaan memberi peruntukan untuk pertahanan mengikut kemampuan negara.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa merasmikan Persidangan Keamanan Dunia Kuala Lumpur pada Sabtu lepas berkata jika negara-negara seluruh dunia percaya dengan keamanan maka mereka boleh berhenti mensia-siakan duit bagi tujuan pertahanan.

-- BERNAMA

MRA AHH PR